

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 685

AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008

Tarikh Perkenan Diraja **9 Januari 2008**

Tarikh penyiaran dalam *Warta* **24 Januari 2008**

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 685

AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

3. Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya
4. Anggota silih ganti
5. Pembatalan pelantikan
6. Keterhentian keanggotaan
7. Mesyuarat Majlis
8. Setiausaha Majlis
9. Fungsi Majlis
10. Majlis hendaklah dibantu oleh Jabatan
11. Penubuhan Jawatankuasa
12. Perwakilan fungsi dan kuasa
13. Majlis hendaklah mengesyorkan perubahan pada undang-undang
14. Tanggungjawab Kerajaan
15. Tanggungjawab kementerian yang berkaitan, dll.
16. Tanggungjawab sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan
17. Tindakan susulan
18. Dana
19. Laporan tahunan

BAHAGIAN III

PELANTIKAN KETUA PENDAFTAR, DLL.. DAN
PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA

Seksyen

20. Pelantikan dan tugas Ketua Pendaftar dan Pendaftar
21. Daftar Orang Kurang Upaya
22. Permohonan bagi pendaftaran
23. Kuasa Pendaftar untuk meminta dokumen atau maklumat tambahan
24. Pendaftaran dan keengganan untuk mendaftar
25. Pengeluaran Kad OKU

BAHAGIAN IV

PENGGALAKAN DAN PEMBANGUNAN KUALITI HIDUP DAN
KESEJAHTERAAN ORANG KURANG UPAYA

Bab I

Kebolehaksesan

26. Akses kepada kernudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam
27. Akses kepada kemudahan pengangkutan awam
28. Akses kepada pendidikan
29. Akses kepada pekerjaan
30. Akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi
31. Akses kepada kehidupan berbudaya
32. Akses kepada rekreasi, santai dan sukan

Bab 2

Habilitasi dan rehuilitasi

33. Habilitasi dan rehabilitasi
34. Perkhidmatan di rumah, kediaman dan sokongan komuniti lain

Orang Kurang Upaya

Bab 3

Kesehatan

Seksyen

35. Akses kepada kesehatan
36. Pencegahan daripada berlakunya ketidakupayaan selanjutnya
37. Pengadaan personel kesehatan

Bab 4

Perlindungan orang dengan ketidakupayaan teruk

38. Perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial
39. Pengertian "orang dengan ketidakupayaan teruk"

Bab 5

Keadaan berisiko dan kecemasan kemanusiaan

40. Akses kepada bantuan

BAHAGIAN V

AM

41. Perlindungan terhadap tindakan guarnan dan prosiding undang-undang
- 42.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
43. Kuasa rnembuat peraturan-peraturan
44. Perkara yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini diperbuat
45. Kecualian dan peralihan
46. Pencegahan anornali

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 685

AKTA ORANG KURANG UPAYA 2008

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MENGIKTIRAF bahawa ketidakupayaan merupakan suatu konsep yang sentiasa berkembang dan bahawa ketidakupayaan terhasil daripada interaksi antara orang kurang upaya dengan halangan sikap dan persekitaran yang menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat atas asas kesetaraan dengan orang upaya:

MENGIKTIRAF sumbangan sedia ada dan berpotensi yang bernilai yang dibuat oleh orang kurang upaya kepada kesejahteraan dan kepelbagaian komuniti dan masyarakat keseluruhannya:

MENGIKTIRAF kepentingan kebolehaksesan kepada persekitaran fizikal, sosial, ekonomi dan kebudayaan, kepada kesihatan dan pendidikan serta kepada maklumat dan komunikasi, bagi membolehkan penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat:

MENGIKTIRAF bahawa orang kurang upaya adalah berhak kepada peluang dan perlindungan, serta bantuan sama rata dalam segala hal keadaan dan tertakluk hanya kepada apa-apa batasan, sekatan dan perlindungan hak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan:

MENGIKTIRAF kepentingan kerjasama antara Kerajaan dengan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam memastikan penyertaan dan penglibatan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (I) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Orang Kurang Upaya 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bahasa” termasuklah bahasa pertuturan dan isyarat, Bahasa Isyarat Malaysia dan bentuk bahasa bukan pertuturan lain;

"Bahasa Isyarat Malaysia" ertinya bahasa isyarat rasmi bagi orang pekak di Malaysia;

"Daftar" ertinya Daftar Orang Kurang Upaya yang disimpan dan disenggarakan di bawah seksyen 21;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"habilitasi" merujuk kepada proses yang bertujuan untuk membolehkan orang yang dilahirkan dengan ketidakupayaan mencapai serta mengekalkan sepenuhnya keupayaan fizikal, mental, sosial dan vokasional serta penglibatan dan penyertaan penuh mereka dalam semua aspek kehidupan;

"Jabatan" ertinya Jabatan Pembangunan bagi Orang Kurang Upaya yang bertanggungjawab bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, perkembangan dan kesejahteraan orang kurang upaya;

"Kad OKU" ertinya kad yang dikeluarkan di bawah seksyen 25;

"Kerajaan" ertinya Kerajaan Persekutuan;

"Ketua Pendaftar" dan "Timbalan Ketua Pendaftar" masing-masing ertinya Ketua Pendaftar bagi Orang Kurang Upaya dan Timbalan Ketua Pendaftar bagi Orang Kurang Upaya yang dilantik di bawah perenggan 20(1)(a) dan (b);

"komunikasi" termasuklah bahasa, paparan teks, Braille, bahasa sentuhan, cetak besar, isyarat, multimedia boleh akses dan juga cara dan format komunikasi secara bertulis, audio, bahasa mudah, jurubaca serta kaedah augmentatif dan alternatif, termasuk maklumat boleh akses dan teknologi maklumat;

"Majlis" ertinya Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kebajikan masyarakat;

"orang kurang upaya" termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat;

"Pegawai Kebajikan Masyarakat" ertinya mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat di Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat dan termasuklah mana-mana Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Orang Kurang Upaya yang dilantik di bawah perenggan 20(1)(c);

"penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan swasta" ertinya penyedia kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];

“penyesuaian munasabah” ertinya pengubahsuaian dan pelarasan yang perlu dan sesuai tanpa mengenakan bebanan tidak seimbang atau tidak wajar, jika diperlukan dalam hal tertentu, untuk memastikan orang kurang upaya menikmati atau menjalani kehidupan yang berkualiti dan sejahtera atas asas kesetaraan dengan orang upaya;

“rehabilitasi” merujuk kepada proses yang bertujuan untuk membolehkan orang kurang upaya mencapai dan mengekalkan sepenuhnya keupayaan fizikal, mental, sosial dan vokasional serta penglibatan dan penyertaan penuh mereka dalam semua aspek kehidupan;

“reka bentuk sejagat” ertinya reka bentuk produk, persekitaran, program dan perkhidmatan yang boleh digunakan oleh semua orang, ke tahap sebaik mungkin, tanpa perlu membuat adaptasi atau reka bentuk khusus dan hendaklah termasuk alat bantu bagi kumpulan orang kurang upaya tertentu jika ia diperlukan;

“sektor swasta” merujuk kepada mana-mana orang atau badan sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan selain Kerajaan atau Kerajaan Negeri, agensi, badan atau pertubuhan Kerajaan, tetapi tidak termasuk apa-apa rujukan kepada pertubuhan bukan kerajaan.

BAHAGIAN II

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA

Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya

3. (1) Suatu badan yang dikenali sebagai Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya hendaklah ditubuhkan bagi maksud Akta ini.

(2) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat, yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) Peguam Negara Malaysia, atau wakilnya;

- (d) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- (e) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengangkutan;
- (f) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
- (g) Ketua Pengarah Pendidikan;
- (h) Ketua Pengarah Kesihatan;
- (i) Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan;
- (j) tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan orang kurang upaya yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(3) Anggota Majlis yang dilantik di bawah subseksyen (2) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan (2)(j), melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan adalah layak untuk dilantik semula selama tempoh tidak melebihi dua penggal berturut-turut.

Anggota silih ganti

4. (1) Menteri boleh melantik seseorang untuk menjadi anggota silih ganti berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 3(2)(d), (e) dan (f) untuk menghadiri mesyuarat Majlis sebagai ganti anggota itu apabila anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Apabila menghadiri mesyuarat Majlis seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Majlis.

(3) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu melepaskan keanggotaannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Majlis.

Pembatalan pelantikan

5. Menteri hendaklah membatalkan pelantikan seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3(2)(j)—

- (a) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Majlis atau selainnya, telah memburukkan nama Majlis;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan;
- (c) jika dia menjadi bankrap; atau
- (d) jika dia menjadi tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya.

Keterhentian keanggotaan

6. Seseorang anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3(2)(j) hendaklah terhenti menjadi anggota—

- (a) jika dia tidak hadir tiga kali berturut-turut mesyuarat Majlis tanpa kebenaran Pengerusi;
- (b) jika pelantikannya dibatalkan;
- (c) jika dia mati; atau

- (d) jika dia meletakkan jawatannya dengan memberi satu bulan notis secara bertulis kepada Menteri.

Mesyuarat Majlis

7. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun bagi melaksanakan fungsinya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Sebelas orang anggota hendaklah membentuk kuorum mesyuarat Majlis.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan kesemua mesyuaratnya.

(4) Jika Pengerusi tidak berupaya atas apa-apa sebab untuk mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi.

(5) Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(6) Pada mana-mana mesyuarat Majlis, Pengerusi hendaklah mempunyai undi biasa dan hendaklah, sekiranya terdapat persamaan undi, mempunyai undi pemutus.

(7) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (5) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(8) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Majlis boleh membuat peraturan-peraturan bagi mengawal selia mesyuarat dan prosidingnya.

Setiausaha Majlis

8. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

Fungsi Majlis

9. (1) Fungsi Majlis adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- (b) untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua aspek orang kurang upaya termasuk perkara-perkara yang berhubungan dengan sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya;
- (c) untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan;
- (d) untuk memantau dan menilai kesan dasar, program dan aktiviti yang dirancang untuk mencapai penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dan dalam berbuat demikian boleh membuat apa-apa perkiraan dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (e) untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- (f) untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehasenan;
- (g) untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, termasuk pada peringkat keluarga, berhubung dengan orang kurang upaya termasuk keupayaan dan sumbangan mereka bagi menggalakkan tanggapan positif dan kesedaran sosial yang tinggi serta memupuk rasa hormat kepada hak dan maruah orang kurang upaya;

- (h) untuk menerima pakai langkah yang berkesan dan sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan orang kurang upaya, dan sumbangan mereka di tempat kerja dan pasaran buruh;
- (i) untuk memupuk sikap menghormati hak orang kurang upaya pada semua peringkat sistem pendidikan, termasuk pada peringkat awal kanak-kanak;
- (j) untuk menasihati Kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
- (k) untuk mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat, dan menjalankan serta menggalakkan penyelidikan yang berhubung dengan orang kurang upaya;
- (l) untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional dan kakitangan yang bekerja dalam perkhidmatan habilitasi dan rehabilitasi;
- (m) untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi orang kurang upaya dalam pasaran buruh, dan juga bantuan dalam mencari atau mendapatkan pekerjaan atas asas keserataan dengan orang upaya; dan
- (n) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan sewajarnya Akta ini.

(3) Majlis hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi, atau yang berkaitan dengan, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Majlis hendaklah dibantu oleh Jabatan

10. Majlis hendaklah dibantu oleh Jabatan dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.

Penubuhan jawatankuasa

11. (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1)—

- (a) hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana anggota Majlis yang dinyatakan di bawah perenggan 3(2)(b) hingga (i);
- (b) hendaklah menepati dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Majlis; dan
- (c) boleh menentukan tataranya sendiri.

(3) Anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Majlis atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(4) Kecuali anggota jawatankuasa yang dilantik daripada kalangan anggota Majlis, mana-mana orang lain yang dilantik sebagai anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(7) Anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa.

(8) Majlis boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(9) Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuaratnya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(10) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(11) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (10) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pewakilan fungsi dan kuasa

12. (1) Majlis boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan sebagaimana yang disifatkannya patut untuk dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, kecuali kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 43, kepada—

(a) Pengerusi Majlis;

(b) mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 3(2)(b) hingga (i); dan

(c) sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 11.

(2) Mana-mana orang atau jawatankuasa yang diwakilkan dengan apa-apa fungsi dan kuasa hendaklah menepati dan mengambil kira semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Majlis dan semua kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Majlis.

(3) Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Majlis.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Majlis daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan.

Majlis hendaklah mengesyorkan perubahan pada undang-undang

13. (1) Dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini, adalah menjadi tanggungjawab Majlis untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan yang dikehendaki dibuat pada mana-mana undang-undang atau untuk mencadangkan pengadaaan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehaksesan atau apa-apa perkara lain sebagaimana yang disifatkan perlu atau suai manfaat oleh Majlis.

(2) Bagi maksud membuat apa-apa syor di bawah subseksyen (1), Majlis—

(a) hendaklah berunding dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan; atau

- (b) boleh berunding dengan sektor swasta atau mana-mana pertubuhan bukan kerajaan sebagaimana yang disifatkannya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian.

(3) Dalam merumuskan syor atau cadangannya di bawah subseksyen (1), Majlis hendaklah mengambil kira apa-apa dasar, maklumat dan pertimbangan lain yang diterima semasa perundingan menurut subseksyen (2) yang didapatinya berkaitan.

Tanggungjawab Kerajaan

14. Tanggungjawab dan kewajipan yang hendaklah ditunaikan oleh Kerajaan di bawah Akta ini hendaklah bagi menjayakan dasarnya yang berhubungan dengan orang kurang upaya dan hendaklah ditunaikan sedemikian —

- (a) dengan mengambil kira sumber manusia dan kewangan yang ada dan apa-apa faktor lain yang berkaitan; dan
- (b) dengan mematuhi peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis lain yang berkaitan.

Tanggungjawab kementerian yang berkaitan, dll.

15. Menjadi tanggungjawab dan kewajipan tiap-tiap kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan—

- (a) untuk bekerjasama dengan dan membantu Majlis dalam pelaksanaan fungsi Majlis di bawah Akta ini;
- (b) untuk memberi pertimbangan wajar kepada dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya; dan
- (c) untuk mengambil langkah atau menjalankan tindakan yang dikehendaki supaya diambil olehnya mengikut apa-apa bentuk atau cara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau selainnya yang berhubungan dengan orang kurang upaya.

Tanggungjawab sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan

16. Menjadi tanggungjawab dan kewajipan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan —

- (a) untuk bekerjasama dengan dan membantu Majlis dalam pelaksanaan fungsi Majlis di bawah Akta ini;
- (b) untuk memberi pertimbangan wajar kepada dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya; dan
- (c) untuk mengambil langkah atau menjalankan tindakan yang dikehendaki supaya diambil olehnya mengikut apa-apa bentuk atau cara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau selainnya yang berhubungan dengan orang kurang upaya.

Tindakan susulan

17. (1) Majlis boleh menghendaki kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan untuk mengemukakan laporan kepada Majlis mengenai langkah dan tindakan yang dikehendaki diambil oleh kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan dalam mematuhi peruntukan Akta ini pada apa-apa lat tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Menjadi kewajipan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan yang disebut dalam subseksyen (1) untuk mengemukakan laporan penuh berkenaan dengan kemajuan langkah atau tindakan yang dijalankan oleh kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan dan laporan itu hendaklah diberikan sehingga langkah atau tindakan itu selesai.

(3) Majlis boleh menghendaki kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan yang berkaitan untuk memberikan penjelasan jika Majlis berpendapat bahawa kemajuan langkah atau tindakan itu tidak mencukupi atau tidak memuaskan.

Dana

18. Kerajaan hendaklah menguntukkan Majlis dengan dana yang mencukupi secara tahunan untuk membolehkan Majlis melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

Laporan tahunan

19. Majlis hendaklah memberikan suatu laporan tahunan mengenai semua aktiviti sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu kepada Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

BAHAGIAN III**PELANTIKAN KETUA PENDAFTAR, DLL., DAN
PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA****Pelantikan dan tugas Ketua Pendaftar dan Pendaftar**

20. (1) Menteri hendaklah bagi maksud Akta ini melantik—

- (a) seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertanggungjawab bagi Jabatan sebagai Ketua Pendaftar;
- (b) seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat daripada Jabatan sebagai Timbalan Ketua Pendaftar;
- (c) seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat daripada Jabatan sebagai Pendaftar bagi setiap Negeri dan Wilayah Persekutuan; dan
- (d) apa-apa bilangan Penolong Pendaftar bagi mana-mana daerah atau kawasan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Ketua Pendaftar hendaklah berada di bawah arahan dan pengawasan am Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan Ketua Pendaftar hendaklah menjalankan kawalan dan pengawasan am atas segala perkara yang berhubungan dengan pendaftaran orang kurang upaya di bawah Akta ini.

(3) Timbalan Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Penolong Pendaftar hendaklah berada di bawah arahan dan pengawasan am Ketua Pendaftar.

(4) Ketua Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa dan menjalankan fungsi yang diberikan kepadanya oleh Akta ini, dan semasa ketiadaannya, kuasa dan fungsi itu boleh dipunyai atau dijalankan oleh Timbalan Ketua Pendaftar.

(5) Tertakluk kepada arahan, kawalan dan pengawasan Ketua Pendaftar, Timbalan Ketua Pendaftar atau Pendaftar boleh menjalankan segala kuasa dan fungsi yang diberikan kepada Ketua Pendaftar oleh atau di bawah Akta ini.

(6) Tertakluk kepada arahan, kawalan dan pengawasan Pendaftar, seseorang Penolong Pendaftar hendaklah membantu Pendaftar dalam menjalankan kuasanya dan melaksanakan fungsinya dalam daerah atau kawasan yang Penolong Pendaftar itu dilantik.

(7) Pelantikan Ketua Pendaftar, Timbalan Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Penolong Pendaftar di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Daftar Orang Kurang Upaya

21. (1) Tiap-tiap Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan Daftar Orang Kurang Upaya.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi penyimpanan dan penyenggaraan Daftar Orang Kurang Upaya dan peraturan-peraturan itu bolehlah termasuk peruntukan untuk memberi kuasa kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk mengemaskinikan Daftar dengan membuat perubahan kepada butir-butir orang kurang upaya atau memotong nama orang kurang upaya yang telah meninggal dunia atau terhenti menjadi orang kurang upaya.

Permohonan bagi pendaftaran

22. (1) Permohonan bagi pendaftaran sebagai orang kurang upaya hendaklah dibuat kepada Majlis.

(2) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi pendaftaran orang kurang upaya dan bagi segala perkara yang bersampingan dengannya.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), peraturan-peraturan itu boleh—

(a) menetapkan tatacara yang hendaklah diikuti semasa membuat suatu permohonan bagi pendaftaran;

- (b) menetapkan orang yang boleh didaftarkan sebagai orang kurang upaya dan orang yang terhenti daripada didaftarkan sebagai orang kurang upaya; dan
- (c) menetapkan cara pengeluaran dan pembatalan Kad OKU.

Kuasa Pendaftar untuk meminta dokumen atau maklumat tambahan

23. (1) Pendaftar boleh, berhubung dengan mana-mana permohonan yang dibuat di bawah seksyen 22, meminta supaya diberikan oleh pemohon apa-apa dokumen atau maklumat tambahan dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pendaftar.

(2) Jika seseorang yang membuat permohonan gagal untuk memberikan dokumen atau maklumat tambahan yang diminta dalam tempoh yang dinyatakan atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dilanjutkan oleh Pendaftar, permohonan itu disifatkan telah ditarik balik tetapi tanpa menjejaskan suatu permohonan baru dibuat.

Pendaftaran dan keengganan untuk mendaftar

24. (1) Selepas mempertimbangkan permohonan di bawah seksyen 22 dan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang diberikan menurut seksyen 23, jika ada, Pendaftar hendaklah—

- (a) mendaftarkan seseorang sebagai orang kurang upaya jika dia berpuas hati bahawa orang yang menjadi subjek permohonan itu merupakan orang kurang upaya; atau
- (b) enggan untuk mendaftarkan seseorang sebagai orang kurang upaya jika dia berpuas hati bahawa orang itu bukan orang kurang upaya.

(2) Seseorang yang terkilang dengan keputusan Pendaftar di bawah perenggan (1)(b) boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Pengeluaran Kad OKU

25. (1) Pendaftar hendaklah mengeluarkan Kad OKU kepada seseorang yang berdaftar sebagai orang kurang upaya.

(2) Kad OKU yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah, melainkan jika dibuktikan telah dibatalkan, menjadi keterangan muktamad bagi segala maksud bahawa orang itu telah didaftarkan dengan sewajarnya sebagai orang kurang upaya di bawah Akta ini.

(3) Kad OKU hendaklah diserahkan kepada Pendaftar apabila seseorang terhenti menjadi orang kurang upaya.

BAHAGIAN IV

PENGGALAKAN DAN PEMBANGUNAN KUALITI HIDUP DAN KESEJAHTERAAN ORANG KURANG UPAYA

Bab 1

Kebolehaksesan

Akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam

26. (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai atas asas kesetaraan dengan orang upaya, tetapi tertakluk kepada kewujudan atau kemunculan apa-apa keadaan yang boleh membahayakan keselamatan orang kurang upaya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Kerajaan dan penyedia mana-mana kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam hendaklah memberi pertimbangan yang sesuai dan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam itu serta penambahbaikan kelengkapan yang berkaitan dengannya menepati reka bentuk sejagat bagi memudahkan akses kepada dan penggunaan oleh orang kurang upaya.

Akses kepada kemudahan pengangkutan awam

27. (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada dan menggunakan kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang ramai atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Kerajaan dan penyedia mana-mana kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam hendaklah memberi pertimbangan yang sesuai dan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa kemudahan, ameniti dan perkhidmatan pengangkutan awam itu menepati reka bentuk sejagat bagi memudahkan akses kepada dan penggunaan oleh orang kurang upaya.

Akses kepada pendidikan

28. (1) Orang kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan umum atas asas ketidakupayaan, dan kanak-kanak kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada pendidikan prasekolah, rendah, menengah dan tinggi, atas asas kesetaraan dengan orang atau kanak-kanak upaya, termasuk latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat.

(2) Kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah, bagi membolehkan orang dan kanak-kanak kurang upaya melanjutkan pelajaran, menyediakan penyesuaian munasabah yang sesuai dengan keperluan orang dan kanak-kanak kurang upaya dari segi, antara lain, prasarana, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran, kurikulum dan bentuk sokongan lain yang memenuhi pelbagai keperluan orang atau kanak-kanak kurang upaya.

(3) Kerajaan dan penyedia pendidikan swasta hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk membolehkan orang dan kanak-kanak kurang upaya mempelajari kemahiran hidup dan pembangunan sosial bagi memudahkan penyertaan penuh dan setara mereka dalam pendidikan termasuk yang berikut:

- (a) untuk memudahkan pembelajaran Braille, skrip alternatif, kaedah augmentatif dan alternatif, cara dan format komunikasi dan kemahiran orientasi dan mobiliti, dan memudahkan sokongan rakan sebaya dan pementoran;

- (h) untuk memudahkan pembelajaran Bahasa Isyarat Malaysia dan penggalakan identiti linguistik komuniti orang pekak; dan
- (c) untuk memastikan bahawa pendidikan orang dan khususnya kanak-kanak, yang buta, pekak atau pekak-buta disampaikan dalam bahasa, kaedah dan cara komunikasi yang paling sesuai bagi individu, dan dalam persekitaran yang memaksimumkan pembangunan akademik dan sosial.

Akses kepada pekerjaan

29. (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

(2) Majikan hendaklah melindungi hak orang kurang upaya, atas asas kesetaraan dengan orang upaya, untuk mendapatkan suasana kerja yang adil dan baik termasuk peluang sama rata dan saraan sama rata bagi kerja yang sama nilai, suasana kerja yang selamat dan sihat, perlindungan daripada gangguan dan memulihkan ketidakpuasan hati.

(3) Majikan hendaklah dalam melaksanakan kewajipan sosialnya berusaha untuk menggalakkan pekerjaan yang stabil bagi orang kurang upaya dengan menilai keupayaannya dengan sewajarnya, menyediakan tempat pekerjaan yang sesuai dan menjalankan pengurusan pekerjaan yang sesuai.

(4) Majlis hendaklah, bagi menggalakkan pengambilan kerja orang kurang upaya dalam sektor swasta, merumuskan dasar dan langkah yang sesuai yang boleh termasuk program tindakan afirmatif dan langkah lain.

(5) Majlis hendaklah menggalakkan peluang bagi latihan kepada orang kurang upaya dalam pasaran buruh dan juga peluang untuk bekerja sendiri, keusahawanan, pembangunan koperasi, memulakan perniagaan sendiri dan mewujudkan peluang bekerja dari rumah.

(6) Bagi maksud seksyen ini, "majikan" termasuklah Kerajaan.

Akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi

30. (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

(2) Kerajaan dan penyedia maklumat, komunikasi dan teknologi hendaklah, bagi membolehkan orang kurang upaya mempunyai akses sedemikian, menyediakan maklumat, komunikasi dan teknologi dalam format dan teknologi boleh akses bersesuaian dengan pelbagai jenis ketidakupayaan mengikut cara yang tepat pada masanya dan tanpa kos tambahan.

(3) Kerajaan dan sektor swasta hendaklah menerima dan memudahkan penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia, Braille, komunikasi augmentatif dan alternatif, dan semua cara, kaedah dan format komunikasi boleh akses pilihan orang kurang upaya dalam urusan rasmi.

Akses kepada kehidupan berbudaya

31. (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada kehidupan berbudaya atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

(2) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk menikmati akses —

- (a) kepada bahan kebudayaan dalam format boleh akses;
- (b) kepada program televisyen, filem, teater dan aktiviti kebudayaan lain, dalam format boleh akses; dan
- (c) ke tempat persembahan kebudayaan atau perkhidmatan seperti teater, muzium, panggung wayang, perkhidmatan perpustakaan dan pelancongan dan, seboleh mungkin, ke monumen dan tapak yang mempunyai kepentingan kebudayaan kebangsaan.

(3) Majlis hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk membolehkan orang kurang upaya mendapat peluang untuk membangunkan dan menggunakan potensi kreatif, artistik dan

intelek mereka, bukan hanya untuk kepentingan mereka sendiri, tetapi juga untuk memperkaya masyarakat.

(4) Orang kurang upaya adalah berhak atas asas kesetaraan dengan orang upaya untuk mendapatkan pengiktirafan dan sokongan terhadap identiti khusus kebudayaan dan linguistik mereka, termasuk Bahasa Isyarat Malaysia dan budaya orang pekak.

Akses kepada rekreasi, santai dan sukan

32. (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk menyertai aktiviti rekreasi, santai dan sukan atas asas kesetaraan dengan orang upaya tetapi tertakluk kepada kewujudan atau kemunculan apa-apa keadaan yang boleh membahayakan keselamatan orang kurang upaya.

(2) Majlis hendaklah mengambil langkah yang sesuai—

- (a) untuk menggalakkan penyertaan, ke tahap setinggi mungkin, orang kurang upaya dalam aktiviti sukan utama pada semua peringkat;
- (b) untuk memastikan bahawa orang kurang upaya mempunyai peluang untuk menganjurkan, membangunkan dan menyertai aktiviti sukan dan rekreasi khusus untuk orang kurang upaya dan, bagi tujuan ini, menggalakkan pengadaan, atas asas kesetaraan dengan orang upaya, tunjuk ajar, latihan dan sumber yang sesuai;
- (c) untuk memastikan bahawa orang kurang upaya mempunyai akses ke tempat sukan, rekreasi dan pelancongan;
- (d) untuk memastikan bahawa kanak-kanak kurang upaya mempunyai akses setara dengan kanak-kanak upaya lain kepada penyertaan dalam aktiviti permainan, rekreasi dan santai serta sukan, termasuk aktiviti dalam sistem persekolahan; dan
- (e) untuk memastikan bahawa orang kurang upaya mempunyai akses kepada perkhidmatan daripada mereka yang terlibat dalam penganjuran aktiviti rekreasi, santai, sukan dan pelancongan.

Habilitasi dan rehabilitasi

33. (1) Majlis, penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dan pertubuhan bukan kerajaan hendaklah mengambil langkah yang berkesan dan sesuai untuk membolehkan orang kurang upaya mencapai dan mengekalkan keupayaan berdikari yang maksimum, keupayaan fizikal, mental, sosial dan vokasional sepenuhnya serta penglibatan dan penyertaan sepenuhnya dalam semua aspek kehidupan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Majlis, penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dan pertubuhan bukan kerajaan hendaklah menganjurkan, mengukuhkan dan memperluas perkhidmatan dan program habilitasi dan rehabilitasi yang komprehensif, terutamanya dalam bidang kesihatan, pekerjaan, pendidikan dan perkhidmatan sosial mengikut sedemikian cara yang perkhidmatan dan program ini bermula pada peringkat seawal mungkin dan berdasarkan penilaian pelbagai bidang mengenai keperluan dan kekuatan individu.

(3) Majlis, penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dan pertubuhan bukan kerajaan hendaklah menggalakkan pengadaan, pengetahuan dan penggunaan alat bantu dan teknologi yang direka bagi orang kurang upaya sebagaimana yang ia berhubungan dengan habilitasi dan rehabilitasi.

(4) Majlis, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk menggalakkan dan mengukuhkan program rehabilitasi berasaskan komuniti untuk menyediakan intervensi awal, rehabilitasi dan latihan bagi orang kurang upaya dalam komuniti mereka sendiri melalui penyertaan aktif komuniti.

Perkhidmatan di rumah, kediaman dan sokongan komuniti lain

34. Majlis, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk menggalakkan penyediaan rangkaian perkhidmatan di rumah, kediaman dan sokongan komuniti lain untuk mengelakkan pengasingan atau pemisahan orang kurang upaya daripada komuniti.

Orang Kurang Upaya

Bab 3

Kesihatan

Akses kepada kesihatan

35. (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk menikmati kesihatan atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

(2) Majlis, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan hendaklah mengambil langkah yang sesuai untuk memastikan orang kurang upaya mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan, termasuk rehabilitasi berkaitan kesihatan, yang peka gender.

Pencegahan daripada berlakunya ketidakupayaan selanjutnya

36. (1) Kerajaan dan penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan swasta hendaklah menyediakan perkhidmatan kesihatan yang perlu kepada orang kurang upaya yang hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) pencegahan daripada berlakunya ketidakupayaan selanjutnya, imunisasi, pemakanan, perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar dan kaunseling genetik; dan
- (b) pengesanan awal ketidakupayaan dan intervensi yang tepat pada masanya untuk mencegah ketidakupayaan dan rawatan bagi rehabilitasi.

(2) Dalam mengambil langkah untuk mencegah berlakunya ketidakupayaan selanjutnya, Kerajaan hendaklah—

- (a) menjalankan atau menyebabkan supaya dijalankan tinjauan, penyiasatan dan penyelidikan berhubung dengan sebab berlakunya ketidakupayaan; dan
- (b) menaja atau menyebabkan supaya ditaja kempen kesedaran dan menyebarkan atau menyebabkan supaya disebarkan maklumat mengenai penyebab ketidakupayaan dan langkah pencegahan untuk diterima pakai dan mengenai kebersihan, kesihatan dan sanitasi umum.

Pengadaan personel kesihatan

37. (1) Mana-mana sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang menyediakan jagaan institusi bagi orang kurang upaya hendaklah mengambil khidmat jurupulih pertuturan, jurupulih

anggota dan jurupulih kerja, atau mana-mana personel kesihatan sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Menteri setelah mengambil kira kehendak dan keupayaan institusi swasta itu, kekerapan perkhidmatan dan apa-apa faktor lain yang berkaitan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), institusi swasta—

(a) yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506], hendaklah dalam masa enam bulan dari permulaan kuat kuasa Akta ini mengemukakan kepada Majlis bilangan personel itu dalam penggajiannya; atau

(b) yang memohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 hendaklah pada dan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini mengemukakan kepada Majlis, sebelum memulakan operasi, bilangan personel itu dalam penggajiannya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana sektor swasta atau pertubuhan bukan kerajaan yang menyediakan jagaan institusi bagi orang kurang upaya, sebagaimana yang disifatkannya patut dan perlu, daripada mengambil khidmat personel kesihatan dalam institusi dan sebaliknya boleh membenarkan lawatan berkala personel kesihatan itu ke institusi swasta itu.

Bab 4

Perlindungan orang dengan ketidakupayaan teruk

Perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial

38. (1) Kerajaan hendaklah menyediakan perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial yang perlu termasuk memastikan bahawa kebajikan orang dengan ketidakupayaan teruk tetap tidak terjejas selepas kematian ibu atau bapanya atau pemberi jagaannya bagi membolehkan orang dengan ketidakupayaan teruk itu menjalani kehidupan yang lebih berkualiti.

(2) Mana-mana pertubuhan bukan kerajaan yang berhasrat untuk menyediakan atau sedang menyediakan jagaan institusi bagi orang dengan ketidakupayaan teruk atau pemberi jagaan bagi orang dengan ketidakupayaan teruk boleh membuat permohonan bagi insentif untuk menyediakan jagaan sedemikian kepada Majlis mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditetapkan.

(3) Majlis boleh, jika ia berpuas hati bahawa permohonan pertubuhan bukan kerajaan atau pemberi jagaan yang disebut dalam subseksyen (2) patut dipertimbangkan, memberikan apa-apa insentif yang disifatkannya sesuai dengan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan.

Pengertian "orang dengan ketidakupayaan teruk"

39. Bagi maksud Bab ini, "orang dengan ketidakupayaan teruk" ertinya seseorang yang mengalami satu atau lebih ketidakupayaan yang bergantung pada orang lain bagi aktiviti kehidupan harian yang asas.

Bab 5

Keadaan berisiko dan kecemasan kemanusiaan

Akses kepada bantuan

40. (1) Orang kurang upaya hendaklah mempunyai hak untuk mendapat bantuan atas asas kesetaraan dan pengiktirafan dengan orang upaya dalam keadaan berisiko dan kecemasan kemanusiaan, termasuk konflik bersenjata dan kejadian bencana alam.

(2) Kerajaan hendaklah mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan orang kurang upaya mempunyai hak untuk mendapat bantuan dalam keadaan berisiko dan kecemasan kemanusiaan melalui mekanisme perundangan dan juga pentadbiran.

BAHAGIAN V

AM

Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang

41. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

(a) Kerajaan;

- (b) Menteri;
- (c) Majlis;
- (d) mana-mana anggota Majlis atau mana-mana anggota jawatankuasa; atau
- (e) mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Majlis,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

42. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Kerajaan, Majlis atau terhadap mana-mana anggota Majlis, mana-mana anggota jawatankuasa, atau ejen Majlis berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dilakukan atau yang ditinggalkan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

43. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang didapatinya perlu dan suai manfaat untuk menjalankan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) untuk mengawal selia pengurusan institusi yang ditubuhkan bagi orang kurang upaya;
- (b) untuk mengawal selia pengurusan institusi yang ditubuhkan bagi orang dengan ketidakupayaan teruk;
- (c) untuk memproses dan mengawal selia pendaftaran orang kurang upaya dan apa-apa perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya;
- (d) untuk menetapkan apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan di bawah Akta ini; dan

- (e) untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang disifatkan suai manfaat atau perlu oleh Menteri bagi maksud Akta ini.

Perkara yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini diperbuat

44. Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan bagi pihak Kerajaan atau Majlis sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan pembuatan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan perkara yang dilakukan itu selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah pada permulaan kuat kuasa Akta ini disifatkan sebagai hak dan obligasi Kerajaan atau Majlis.

Kecualian dan peralihan

45. (1) Mana-mana orang yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini didaftarkan sebagai orang kurang upaya dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini disifatkan sebagai orang kurang upaya yang berdaftar di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang kurang upaya yang kepadanya suatu kad pengenalan telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dikeluarkan kepadanya suatu Kad OKU di bawah Akta ini.


(3) Semua daftar yang berhubung dengan pendaftaran orang kurang upaya yang disimpan dan disenggarakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan sebagai daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah Akta ini dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Daftar Orang Kurang Upaya.

Pencegahan anomali

46. (1) Menteri boleh, melalui perintah, membuat apa-apa pengubahsuaian dalam peruntukan Akta ini sebagaimana yang didapatinya perlu atau suai manfaat bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang disebabkan oleh permulaan kuat kuasa Akta ini hanya berkenaan dengan pelaksanaan fungsi dan penjalanan kuasa oleh Majlis.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Dalam seksyen ini, "pengubahsuaian" ertinya pindaan, tambahan, pemotongan dan penggantian mana-mana peruntukan Akta ini.



LAWS OF MALAYSIA

Act 685

PERSONS WITH DISABILITIES ACT 2008

Date of **Royal Assent** **9 January 2008**

Date **of** publication in the
Gazette **24 January 2008**

LAWS OF MALAYSIA

Act 685

PERSONS WITH DISABILITIES ACT 2008

ARRANGEMENT OF SECTION

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement
2. Interpretation

PART II

NATIONAL COUNCIL FOR PERSONS WITH DISABILITIES

3. National Council for Persons with Disabilities
4. Alternate members
5. Revocation of appointment
6. Cessation of membership
7. Meetings of Council
8. Secretary to the Council
9. Functions of the Council
10. Council to be assisted by the Department
11. Establishment of committees
12. Delegation of functions and powers
13. Council to recommend changes to law
14. Responsibility of the Government
15. Responsibility of relevant ministries, *etc.*
16. Responsibility of the private sector and non-governmental organization
17. Follow up
18. Funds
19. Annual reports

PART III

APPOINTMENT OF REGISTRAR GENERAL, ETC., AND
REGISTRATION OF PERSONS WITH DISABILITIES

Section

20. Appointment and duties of Registrar General and Registrar
